

D703

U B712 DEB
PARLIMEN - DADAH

KUALA LUMPUR, 8 OKT (BERNAMA) -- HUKUMAN GANTUNG YANG DIJALANI OLEH DUA ORANG PENGEDAR DADAH DARI AUSTRALIA BARU-BARU INI TIDAK MENJEJASKAN NAMA BAIK MALAYSIA MALAH HUKUMAN ITU DITERIMA BAIK OLEH MAJORITI MASYARAKAT ANTARABANGSA, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA IMEJ MALAYSIA TIDAK TERJEJAS OLEH PUBLISITI MELUAS MENGENAI KES ITU KERANA KESELURUHANNYA LAPORAN-LAPORAN AKHBAR ASING DIBUAT SECARA BENAR DAN OBJEKTIF.

BANYAK AKHBAR YANG MENYOKONG DAN MEMAHAMI PERLUNYA MALAYSIA MELAKSANAKAN HUKUMAN BERKENAAN, KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MUTANG TAGAL (BN-BUKIT MAS) SEMASA SOAL-JAWAB.

KATANYA RAKYAT DAN PARLIMEN TELAH MENETAPKAN HUKUMAN GANTUNG KE ATAS PENGEDAR DADAH BERASASKAN TAHAP BAHAYANYA DADAH KEPADA MASYARAKAT.

MEMANDANGKAN PUBLISITI MENGENAI HUKUMAN ITU CUKUP LUAS DIBERIKAN OLEH AKBAR-AKHBAR, TV DAN MEDIA-MEDIA LAIN SEPERTI PENGUMUMAN DALAM PESAWAT MAS, MAKA WARGANEGARA ASING TIDAK MEMPUNYAI ALASAN JIKA TIDAK MENGETAHUI TENTANG HUKUMAN ITU, KATANYA. -- LAGI.

1631MST 08 10 86

D718

U B724 DEB
PARLIMEN - DADAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGAJAI SEMULA AKTA BERKENAAN MEMANDANGKAN IA MERUPAKAN FAKTOR PENCEGAHAN PENTING TERHADAP BAHAWA GEJALA PENYALAHGUNAAN DADAH.

KATANYA INI KERANA PENGEDAR DADAH MERUPAKAN SEORANG PEMBUNUH BERAMAI-RAMAI DENGAN CARA PEMBUNUHAN YANG LEBIH DAHSYAT DARIPADA PEMBUNUH BIASA KERANA MANGSANYA MENDERITA BEGITU LAMA SEBELUM MATI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI MELINDUNGI RAKYATNYA DARIPADA PENGEDAR DADAH.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN ENCIK KARPAL SINGH (DAP-JELUTONG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMASA BELIAU BERADA DI AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN BARU-BARU INI RAMAI YANG MENYOKONG TINDAKAN MALAYSIA MENGGANTUNG PENGEDAR DADAH.

KATANYA BELIAU JUGA BARU MENERIMA SEPUCUK SURAT DARIPADA SEORANG INTELEK DARI AUSTRALIA YANG MENYOKONG TINDAKAN MALAYSIA TERHADAP KEDUA-DUA PENGEDAR DADAH DARI NEGARNYA. -- LAGI.

1655MST 08 10 86

D719

U B725 DEB
PARLIMEN - DADAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK PERLU MEMBINCANGKAN TERLEBIH DAHULU MENGENAI HUKUMAN KE ATAS PENGEDAR DADAH DENGAN MANA-MANA NEGARA ASING KERANA NEGARA INI BERHAK KE ATAS UNDANG-UNDANGNYA SENDIRI.

MENJAWAB SERENTAK SOALAN LAIN DARI ENCIK KARPAL SINGH DAN RAKANNYA DARI IPOH, ENCIK P. PATTO, PERDANA MENTERI BERKATA BUAT MASA INI KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMINDA PERKARA 4B (1)(E) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAGI MAKSUD MERANGKUMI KESALAHAN-KESALAHAN YANG DILAKUKAN DI LUAR NEGARA INI. -- BERNAMA.

1656MST 08 10 86